

Paras air 12 sungai utama di Kelantan makin kurang



SHAHIMI

PASIR PUTEH - Rakyat Kelantan diminta lebih jimat menggunakan air berikutan paras air sungai-sungai utama termasuk Sungai Kelantan, surut 1.5 meter akibat cuaca panas dan kering.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Shahimi Sharif berkata, paras air di 12 sungai utama di sepanjang Sungai Kelantan kini lebih rendah berbanding paras kebiasaan.

Menurutnya, paras air di Sungai Galas dan Sungai Pergau pada tahap membimbangkan, iaitu -99.99 meter.

"Kepanasan melampau ini berpunca daripada fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini, dan kita perlu bersedia menghadapi situasi ini.

"Saya berharap orang ramai mengambil langkah berjaga-jaga serta lebih bijak dan jimat menggunakan air, sama ada untuk kegunaan di rumah atau bagi tujuan pertanian," katanya.

Beliau berkata, keadaan mungkin bertambah buruk sekiranya tidak berlaku hujan di kawasan pedalaman Ulu Kelantan dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Pengerusi Badan Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Tengku Hussain Tengku Abdul Rahman ketika dihubungi berkata, beliau menyedari penurunan paras air itu.

Katanya, setakat ini penurunan paras air tidak menjejaskan pembekalan air ke kawasan penanaman kerana ketika ini, padi sedang dituai yang mana ia tidak memerlukan bekalan air.

Katanya, pihaknya memantau per-

kembangan itu bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk penanaman musim pertama tahun ini yang dijangka sebulan atau dua bulan lagi.

"Kita akan sentiasa memantau kerana saya difahamkan, tempoh El Nino melanda negara sehingga Jun ini, kita mesti mencari jalan mengatasi masalah ini sekiranya kemarau berterusan.

"Petani akan menghadapi masalah jika air tidak dapat dibekalkan ke sawah mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan," katanya.